

02/12/1998

Kerajaan tidak halang gerakan reformasi tubuh parti

SUBANG, Selasa - Kerajaan sedia meluluskan permohonan gerakan reformasi untuk menubuhkan parti jika ia dilakukan mengikut prosedur yang betul, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan tidak mempunyai masalah membenarkan gerakan itu mendaftar sebagai satu parti.

"Tiada masalah untuk meluluskan (permohonan menubuhkan parti) selagi ia dilakukan mengikut prosedur yang betul.

"Tetapi kalau dia kata dia nak buat parti sebab nak tembak, nak bunuh orang, nak demonstrasi hari-hari... yang itu kita tak luluskanlah. Kalau dia ada parti politik okay...kalau dia beranilah," katanya kepada pemberita selepas melancarkan pelancaran pengeksporan pesawat terbang SME MD3-160 Aerotiga, di sini hari ini.

Minggu lalu, Abdul Malek Hussein yang mendakwa bertindak sebagai Ketua Dokumentasi/Penyelidikan Urusetia Reformasi mengumumkan hasrat gerakan berkenaan menubuhkan parti bagi bertanding dalam pilihan raya akan datang.

Perdana Menteri berkata, gerakan reformasi berhak berbuat demikian.

"Lebih baik dia buka parti politik dan bertanding dalam pilihan raya daripada dia dok kacau orang dok berniaga, pemandu teksi tak dapat cari duit, cari makan.

"Bila ada pilihan raya anda bertanding. Masa bertanding nanti kalau nak maki orang...maki. Tak mengapa saya dah biasa dikutuk orang," katanya.

Ditanya sama ada kenyataan "kalau dia beranilah" berupa satu ancaman, Perdana Menteri menafikan perkara itu.

"Ini bukan ancaman. Dia orang ni memang bacul. Bila dia ramai dia kuat...dia berani sikit, bila dia duduk sorang-sorang dia senyap je," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno tidak menolak kemungkinan ada ahli parti yang menyertai parti gerakan reformasi itu apabila diwujudkan.

"Mereka ini bukan ahli sebenar. Mereka hanya duduk sekejap dalam parti kerana mereka boleh mendapat untung dengan menyertai Umno.

"Mereka boleh dapat kontrak dan pelbagai lagi, Sekarang ini, orang yang beri kontrak dah tak ada lagi, jadi tiada gunalah nak duduk dalam Umno.

"Bagi ahli biasa ni, kita masuk Umno kerana kepentingan bangsa, negara dan tanah air. Orang ini dia ada kepentingan poket," katanya.

Dr Mahathir juga mengakui kemungkinan ada undi Barisan Nasional (BN) yang hilang dalam pilihan raya nanti.

"Tetapi tak mengapa. Dalam pilihan raya, kita raih sebahagian, hilang sebahagian," katanya.

(END)